

# KYS dan SET lindungi spesies terancam

Fokus MoU menyokong penyelidikan dan pendidikan berkaitan alam sekitar

UB 11.12.2021 P.06

**KOTA KINABALU:** Kumpulan Yayasan Sabah (KYS) dan Sabah Environmental Trust (SET) merencanakan lagi usaha sama melindungi dan mengurus spesies terancam di Kompleks Hutan Hujan Lembah Danum - Lembangan Maliau - Kanyon Imbak (DaMal).

Komitmen ini wujud hasil kolaboratif antara kedua-dua pihak yang memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) di Sabah International Convention Centre (SICC) di sini semalam.

Sebelum ini, KYS dan SET bersama Jabatan Perhutanan Sabah telah lama bekerjasama melalui inisiatif 'DaMal: Inisiatif Rondaan (Penguatkuasaan dan Pemantauan)' dalam memantau dan melindungi kehidupan liar.

Kolaboratif ini merangkumi aktiviti membanteras kegiatan pemburuan dan pencerobohan haram di Kompleks Hutan Hujan DaMal menerusi MoU yang ditandatangani pada 24 Oktober 2017.

Pengarah Yayasan Sabah merangkap Pengerusi Eksekutif Innoprise Corporation Sdn. Bhd., Dato' Sri Gulamhaidar @ Yusof Khan Bahadar, berkata MoU yang



**METERAI:** Gulamhaidar (dua kiri) bergambar selepas majlis menandatangani MOU di antara KYS dan SET semalam.

baharu itu bakal menyaksikan satu lagi usaha terkini kerjasama KYS dan SET dalam memantau dan melindungi kehidupan liar yang terancam terdapat di Kompleks Hutan Hujan DaMal.

Fokus utama MoU ini adalah untuk menyokong penyelidikan dan pendidikan berkaitan alam sekitar di kawasan tersebut.

"Umumnya, dalam memastikan kelestarian kawasan hutan di bawah seliaan Kumpulan Yayasan Sabah, kami telah memperuntukkan lima buah kawasan untuk tujuan konservasi iaitu Lembah Danum, Lembangan Maliau, Kanyon Imbak, Pesisiran Pantai Silam dan Sungai Tali-

was. Sehubungan dengan itu, adalah wajar bagi Kumpulan Yayasan Sabah terlibat secara aktif dengan usaha ini demi melengkapi kerjasama yang telah terjalin bersama SET selama ini," katanya.

Gulamhaidar menyifatkan perincian MoU tersebut amat sinonim dengan teras ketiga Pelan Pembangunan Sabah Maju Jaya negeri Sabah (SMJ) 2021-2025 hasil inisiatif Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Panglima Hajiji Noor yang meliputi komitmen Kerajaan Negeri Sabah dalam memelihara alam sekitar di samping menggalakkan pertumbuhan ekonomi hijau.

"Saya yakin MoU ini bakal meningkatkan pewartaan

DaMal di mata dunia dan akan merangsang lagi usaha Kerajaan Negeri Sabah mendapatkan pengiktirafan untuk khazanah alam semula jadi kita sebagai Tapak Warisan Dunia anjuran Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO)," katanya.

Menurutnya, segala usaha haruslah dibuat demi pemeliharaan khazanah negeri dapat diteruskan selanjutnya.

"Usaha menangani isu alam sekitar harus di dokong bersama oleh semua pihak. Pengurusan dan pemeliharaan alam sekitar khususnya di Sabah dilaksanakan dalam konteks pembangunan

lestari melibatkan pembangunan ekonomi, sosial dan perlindungan alam sekitar. Pembangunan lestari tidak dapat dicapai sekiranya salah satunya tidak bergerak bersama dalam merealisasikan hasrat berkenaan.

"Pemuliharaan alam sekitar merupakan usaha yang perlu dilaksanakan secara berterusan dan memerlukan sokongan bersama semua pihak. Khazanah alam semula jadi DaMal yang kita miliki hari ini merupakan amanah yang perlu kita pelihara untuk kesejahteraan generasi akan datang," katanya.

Dalam ucapan balasnya, Ketua Pegawai Eksekutif SET, Dr. Rahimatsah Amat berkata pihaknya amat menghargai kolaborasi bersama KYS, demi kelestarian kawasan konservasi di bawah seliaan KYS.

"Pada peringkat awal, kajian ini akan dilakukan di Kawasan Konservasi Lembangan Maliau dan tertumpu kepada spesies tembadau dan gajah," katanya.

Menurutnya, kajian bakal diterajui Prof. Dr. Abdul Hamid Ahmad selaku Penyiasat Utama dari Institut Biologi Tropika dan Pemuliharaan (UMS), yang juga merupakan seorang pakar dalam kehidupan liar.